AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DUNIA

# Britain negara pertama lulus vaksin Covid-19 di Eropah



GAMBAR tidak bertarikh yang diedarkan Universiti Oxford pada 23 November lalu menunjukkan seorang sukarelawan menerima suntikan vaksin Covid-19 yang dibangunkan oleh universiti berkenaan dan AstraZeneca. – AFP

**LONDON** – Britain menjadi negara Barat pertama meluluskan vaksin Covid-19 untuk kegunaan umum kelmarin selepas jumlah kematian global meningkat menghampiri 1.5 juta orang.

Hanya 12 bulan selepas pandemik koronavirus meletus di China, pihak berkuasa kawal selia ubat di Britain memberi lampu hijau dengan begitu cepat kepada vaksin buatan BioNTech-Pfizer tetapi bertegas, pihaknya tetap mengutamakan keselamatan orang awam.

"Semua orang boleh yakin bahawa kami tidak mengambil jalan pintas," kata Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Pengawalseliaan Produk Perubatan dan Kesihatan (MHRA) June Raine.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri Britain, Boris Johnson berkata, langkah itu menandakan bermulanya program vaksinasi kepada rakyat supaya mereka dapat menjalani kehidupan seperti biasa dan ekonomi negara kembali pulih.

Kerajaan yang diterajui beliau menyatakan bahawa sekitar 800,000 dos akan diberikan mulai minggu depan.

Dengan lebih dari 59,000 kematian daripada 1.6 juta kes Covid-19, Britain kekal negara paling teruk terjejas di Eropah.

Ketua Pegawai Eksekutif Pfizer, Albert Bourla mengisytiharkan kelulusan kerajaan Britain itu sebagai 'detik bersejarah dalam memerangi Covid-19'.

"Kelulusan ini adalah matlamat kami sejak kami pertama kali mengisytiharkan bahawa sains akan menang terhadap Covid-19," katanya.

Bagaimanapun, pegawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Michael Ryan memberi peringatan bahawa perang melawan koronavirus jauh daripada selesai.

"Ia ibarat pendaki yang sampai ke Base Camp di Everest tetapi masih perlu mendaki ke puncak gunung tersebut," katanya.

Hampir 1.5 juta orang di seluruh dunia meninggal dunia akibat koronavirus menjelang kelmarin, demikian menurut kiraan AFP berdasarkan sumber rasmi, manakala lebih 64 juta orang telah dijangkiti. – AFP